

12 AUG 2004

Abdullah-Australia

AUSTRALIA SAHABAT KAMI, KATA ABDULLAH

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 12 Ogos (Bernama) -- Di bawah tajuk di muka depan "Australia is our mate: Malaysian PM," (Australia adalah sahabat kami : PM Malaysia)' akhbar "The Australian" berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi telah membuka satu lembaran baru dalam hubungan dengan Canberra, dengan mengisytiharkan bahawa Australia adalah "sahabat" kepada negaranya dan juga Asean.

Ini, menurut akhbar itu, adalah "tanda pertama secara rasmi yang paling bermakna ke arah memecah kebuntuan dalam hubungan yang sering dingin".

Dalam satu temubual dengan Kimina Lyall, koresponden Asia Tenggara akhbar itu, Abdullah berkata hubungan Malaysia-Australia mengalami "kesukaran politik" tetapi ini dapat diatasi.

"Saya lihatnya seperti ini : asas kepada hubungan ini amat kukuh. Kita hanya menghadapi masalah sekali-sekala di peringkat politik, itu saja," katanya dalam temubual itu, yang pertama dengan seorang wartawan Australia sejak menjadi perdana menteri Oktober lepas, setelah beliau berucap pada satu jamuan malam yang dihadiri tokoh-tokoh perniagaan dan pemimpin kerajaan Australia dan Asia di Kuala Lumpur.

Ketika ditanya jika beliau berpendapat Australia dan Malaysia masih mempunyai perbezaan politik, Abdullah berkata : "Mungkin ya, mungkin tidak sejak akhir-akhir ini," yang mungkin merujuk kepada hubungan yang renggang semasa pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Merujuk kepada ancaman Perdana Menteri Australia John Howard tahun lepas untuk "melancarkan serangan pantas" di Asia untuk menghalang serangan penganas, Abdullah berkata ulasan seperti itu tidak diterima baik di rantau Asia.

Tetapi katanya: "Australia memanglah sahabat kami."

Para pegawai Asean berkata satu cadangan untuk meneruskan usaha menjalin perjanjian perdagangan bebas antara rantau itu dan Australia serta New Zealand "sudahpun dipersetujui".

Menurut akhbar itu, hubungan yang bertambah baik itu adalah ekor pengunduran Dr Mahathir kerana "beliau penentang kuat hubungan rapat (Asean) dengan Canberra".

Akhbar itu melaporkan bahawa dalam satu ucapan tanpa teks pada jamuan malam Selasa lepas bersama para pemimpin berkenaan yang berada di Malaysia selama tiga hari untuk "bercakap" mengenai hubungan Australia-Asia, Abdullah menggunakan perkataan "sahabat" sebanyak tujuh kali dalam masa tujuh minit.

Abdullah, yang tidak pernah menemui Howard sejak beliau menggantikan Dr Mahathir, telah bersetuju menerima undangan melawat Australia. Ini akan merupakan lawatan rasmi pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak 1984.

Katanya beliau memang menanti-nantikan pertemuan itu, yang mungkin diadakan selepas pilihan raya Australia penghujung tahun ini.

Tan Sri Noordin Sopiee, seorang daripada peserta perbincangan tidak formal di Kuala Lumpur itu, dipetik oleh akhbar berkenaan sebagai berkata bahawa hubungan antara Australia dan Malaysia masih sama seperti semasa pentadbiran Dr Mahathir tetapi "lebih mesra".

-- BERNAMA

NDC MFJMAI